

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Khamis, 6 Mei 2021



**KENYATAAN MEDIA
BAGI PERANGKAAAN GETAH BULANAN, MALAYSIA
MAC 2021**

**Pengeluaran getah asli
menurun 27.6 peratus pada Mac 2021**

PUTRAJAYA, 6 Mei 2021 – Pengeluaran getah asli Malaysia menurun 27.6 peratus pada Mac 2021 kepada 36,068 tan metrik berbanding 49,840 tan metrik pada bulan sebelumnya. Sebaliknya, perbandingan tahun ke tahun menunjukkan peningkatan 4.5 peratus.


Mengulas laporan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "Eksport getah asli Malaysia berjumlah 58,852 tan metrik pada Mac 2021, meningkat sebanyak 7.7 peratus berbanding 54,632 tan metrik pada Februari 2021." China terus kekal sebagai destinasi utama eksport getah asli menyumbang 51.8 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada March 2021 diikuti Jerman (6.4%), Finland (5.3%), U.S.A (4.8%) dan Brazil (2.3%). Sarung tangan getah merupakan item eksport utama dengan nilai eksport RM6.4 billion pada Mac 2021, meningkat sebanyak 9.4 peratus berbanding Februari 2021 (RM5.8 billion). Amerika Syarikat adalah negara pengimport tertinggi sarung tangan getah diikuti Jerman dan China.

Stok getah asli menurun 1.6 peratus pada Mac 2021 kepada 281,672 tan metrik berbanding 286,117 tan metrik pada Februari 2021.

“Harga purata bagi Lateks Pekat dan Getah Mutu Malaysia 20 (G.M.M. 20) bagi Mac 2021 merupakan yang tertinggi dicatatkan pada Suku Tahun Pertama tahun semasa. Harga purata bagi Lateks Pekat merekodkan peningkatan kepada 680.20 sen sekilogram berbanding Februari 2021 (587.91 sen sekilogram). G.M.M. 20 turut menunjukkan peningkatan daripada 672.68 sen sekilogram kepada 707.89 sen sekilogram bagi tempoh yang sama,” katanya lagi.

Jabatan Perangkaan Malaysia juga melaporkan bahawa penggunaan getah asli di peringkat domestik pada Mac 2021 ialah 49,718 tan metrik, meningkat sebanyak 11.2 peratus berbanding bulan sebelumnya. Penggunaan getah asli dalam industri pembuatan sarung tangan getah terus mendahului dengan penggunaan sebanyak 37,435 tan metrik atau 75.3 peratus daripada jumlah penggunaan domestik pada Mac 2021.

Pengeluaran, eksport, import, penggunaan domestik dan stok bulanan bagi getah asli 2020-2021



Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) secara Bersemuka dan Dalam Talian (e-Census) sedang dilaksanakan di seluruh negara sehingga 30 Jun 2021. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020 dan tiada yang ketinggalan kerana data anda masa depan kita. Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di www.mycensus.gov.my atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

6 MEI 2021

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, May 6th 2021



**MEDIA STATEMENT
FOR MONTHLY RUBBER STATISTICS, MALAYSIA
MARCH 2021**

***Production of natural rubber
decreased 27.6 per cent in March 2021***

PUTRAJAYA, May 6, 2021 – Production of natural rubber decreased 27.6 per cent in March 2021 to 36,068 tonnes as compared to 49,840 tonnes in the previous month. On the contrary, year on year comparison showed an increase of 4.5 per cent.


Commenting on the report, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia said, "Exports of Malaysia's natural rubber amounted 58,852 tonnes in March 2021, an increase of 7.7 per cent as against 54,632 tonnes in February 2021". P.R. China remains as the main destination for natural rubber exports with a share of 51.8 per cent from total exports in March 2021 followed by Germany (6.4%), Finland (5.3%), U.S.A (4.8%) and Brazil (2.3%). Rubber gloves was the main export item with an export value of RM6.4 billion in March 2021, an increase of 9.4 per cent as compared to February 2021 (RM5.8 billion). U.S.A was the highest importer of rubber gloves followed by Germany and China.

The stocks of natural rubber decreased 1.6 per cent in March 2021 to 281,672 tonnes as compared to 286,117 tonnes in February 2021.

“The average price for Latex Concentrate and Standard Malaysian Rubber 20 (S.M.R. 20) for March 2021 was the highest recorded in First Quarter of this year. Average price of Latex Concentrate recorded an increase of 680.20 sen per kilogramme as compared to February 2021 (587.91 sen per kilogramme). S.M.R. 20 also showed an increase from 672.68 sen per kilogramme to 707.89 sen per kilogramme for the same period,” he said.

The Department of Statistics, Malaysia also reported that domestic consumption of natural rubber in March 2021 was 49,718 tonnes, an increase of 11.2 per cent as compared to the previous month. The use of natural rubber in rubber glove manufacturing industry continues to lead with the use of 37,435 tonnes or 75.3 per cent of the total domestic consumption in March 2021.

Monthly production, exports, imports, domestic consumption and stocks of natural rubber 2020-2021



The Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) via face to face and online (e-Census) is being conducted nationwide until 30th June 2021. All Malaysian residents are urged to cooperate in ensure the success of Malaysia Census 2020 and no one is left behind as your data is our future. Please visit the Malaysia Census 2020 portal at www.mycensus.gov.my or social media @MyCensus2020 for more info.

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA

6 MAY 2021